

NO. DOKUMEN : BKPS-AK12

**PERALATAN PERGIGIAN – UNIT PERGIGIAN TETAP & MUDAH ALIH**

**KELUARAN : 5.2**

**TARIKH KUAT KUASA: 1/09/2020**

<b>TANGGUNGJAWAB</b>	<b>TINDAKAN</b>
JP/PPP/PPK	<p><b>A. Unit Pergigian Tetap</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Tutupkan valve compressor dan pasangkan suis utama compressor.</li><li>2. Bersihkan unit dengan bahan disinfektan yang disyorkan oleh pembekal.</li><li>3. Pasangkan hanpis.</li><li>4. Isikan botol plastik dengan air suling sekiranya perlu.</li><li>5. Pasangkan penyedut liur saliva ejector pakai buang.</li><li>6. Pasangkan suis utama dan suis unit.</li><li>7. Pasangkan suis suction motor sekiranya ada.</li><li>8. Isikan tumbler dengan air.</li><li>9. Pasangkan suis pembersih spitoon.</li><li>10. Pilih kedudukan kerusi yang sesuai setelah pesakit duduk.</li><li>11. Pasangkan lampu dan posisikan lampu dengan betul.</li><li>12. Pasangkan bur ke dalam hanpis, pasangkan scaler tip mengikut keperluan rawatan pesakit.</li><li>13. Selepas rawatan, kembalikan kedudukan kerusi, buangkan sisa klinikal dan disinfeksikan/ sterilkan peralatan yang telah dipakai.</li><li>14. Selepas habis merawat semua pesakit, atau pada akhir hari, tutup suis compressor dan buka valve compressor untuk mengeluarkan angin.</li><li>15. Keluarkan semua hanpis untuk pensterilan / disinfeksi.</li></ol>

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
JP/PPP/PPK	<p><b>B. Unit Pergigian Mudah Alih</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Periksa air suling dalam botol plastik samada mencukupi atau tidak.</li> <li>2. Tutup <i>valve compressor</i>.</li> <li>3. Pasangkan suis <i>compressor</i> jika berasingan dari unit.</li> <li>4. Pasang hanpis <i>low speed</i> dan <i>high speed</i>.</li> <li>5. Plugkan dan pasangkan suis utama dan suis unit.</li> <li>6. Pasangkan bur pada handpis.</li> <li>7. Uji perjalanan hanpis. Pastikan air keluar dan bur berpusing dengan lancar selama 20 – 30 saat.</li> <li>8. Disinfek unit serta handpis dengan bahan disinfektan.</li> <li>9. Mula penggunaan unit mudah alih.</li> <li>10. Selepas rawatan,disinfeksikan/ sterilkan hanpis yang telah dipakai.</li> <li>11. Selepas habis merawat semua pesakit, atau pada akhir hari, tutup suis <i>compressor</i> dan buka <i>valve compressor</i> untuk mengeluarkan angin</li> <li>12. Keluarkan semua hanpis untuk pensterilan / disinfeksi.</li> </ol> <p>Rujuk :</p> <p>BKPS-SS04 Penyelenggaraan Unit Pergigian Mudah Alih</p>

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
JP/PPP/PPK	<p>Untuk cara menggunakan unit pergigian mengikut buatan spesifik, rujuk kepada :</p> <p>Instruction Manual / User Guide /Owner guide</p> <p>Peralatan Berkaitan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Vakum / Monojet</b> (Jika ada) Biarkan ia menyedut air bersih sekurang-kurangnya 2 tumbler selepas digunakan.</li> <li>ii. <b>Saliva Ejector</b> Biarkan ia menyedut air bersih sekurang-kurangnya 2 tumbler selepas digunakan. Akhir hari, biarkan ia menyedut larutan disinfektan seperti pada panduan produk.</li> <li>iii. <b>Cuspidor</b> Bersihkan dengan air yang mengalir atau bahan disinfektan selepas tamat rawatan. Sebaik baiknya biarkan air mengalir ketika rawatan.</li> <li>iv. <b>Bekas Air</b> (jika ada) Tambah dengan air suling bila perlu.</li> <li>v. <b>Unit dan kerusi pergigian</b> Bersihkan semua kesan kotoran dengan air atau bahan disinfektan. Akhir sekali naikkan kerusi ke ketinggian maksima supaya air dapat mengalir dengan lancar dan tidak bertakung pada saluran dan kembalikan semula ke kedudukan "0" .</li> <li>vi. <b>Filter vacuum</b> (jika ada) Bersihkan filter pada tangki</li> <li>vii. <b>Reflection panel of dental light</b> Lap dengan kain lembut dan kering</li> </ol>